

20/06/2000

Hak keistimewaan dalam Perlembagaan

"APAKAH ertinya menjadi Melayu di Malaysia?" tanya Presiden Persekutuan Syarikat Senaraian Awam (FPLC), Megat Najmuddin Megat Khas, di tengah-tengah perbincangan kami mengenai sama ada kita adalah bangsa yang berterima kasih.

Dilahirkan sebagai Melayu di negara ini, katanya, bermakna menggalas hak keistimewaan yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Beliau percaya ia bukan suatu pilihan. Ia sudah terbeban di bahu orang Melayu sama ada mahu atau tidak.

"Jika ia menjadi punca rasa rendah diri di kalangan kita, kerana dilihat sebagai bangsa yang dilindungi oleh pelbagai keistimewaan, biarlah demikian," katanya.

Sebagai bekas penuntut Maktab Melayu Kuala Kangsar, sebuah kolej yang asalnya ditubuhkan khusus untuk pelajar lelaki Melayu dari keluarga bangsawan, Megat Najmuddin mempunyai pengalaman secara langsung dengan hak keistimewaan ini.

Hak keistimewaan itulah, katanya, yang membuahkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berjaya meningkatkan taraf hidup dan ekonomi orang Melayu di negara ini.

Megat Najmuddin yang juga Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG) agak terdiam apabila ditanya mengenai sifat berterima kasih bangsa Melayu terhadap kepemimpinannya.

Sebelum menjawab, beliau meneliti ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno, bulan lalu.

"Sukar meneka apa yang sebenarnya Presiden Umno maksudkan. Fikiran beliau terlalu jauh ke depan. Beliau sendiri suatu enigma kepada kita. Siapa yang dapat membaca fikirannya?"

Tetapi jelas beliau tidak begitu selesa dengan idea bahawa rakyat perlu diingatkan supaya berterima kasih kepada kerajaan.

Megat Najmuddin, yang terdidik sebagai peguam di United Kingdom dan pernah bergiat aktif dalam politik tempatan, lebih condong kepada pemikiran bahawa sesebuah kerajaan sememangnya berfungsi menjaga kebajikan rakyat.

"Jika anda memberi derma RM50, adakah anda akan berulang kali mengingatkan penerima supaya menyatakan rasa terima kasih," soalnya.

Barangkali beliau benar tetapi bagaimana dengan leluhur bangsa Melayu yang menekankan soal mengenang budi?

"Tidak bermakna kita tidak mengenang budi kerajaan. Golongan korporat banyak mengembalikan semula apa yang mereka terima. Kita bantu masjid, komuniti tempat kita tinggal, untuk sukan (bagi saya ragbi) dan juga tabung parti. Ini semua kita lakukan walaupun mungkin dilakukan secara diam-diam, tidak dihebahkan," katanya kemudian.

Megat Najmuddin juga tidak senang dengan pihak yang beranggapan bahawa DEB gagal mencapai matlamatnya meningkatkan taraf hidup dan memastikan penyertaan 30 peratus Bumiputera dalam sektor perniagaan.

Katanya, membandingkan pencapaian DEB selama 30 tahun dengan tamadun perdagangan dan perniagaan orang Cina yang berusia 4,000 tahun adalah tidak adil sama sekali.

"Sudah tertanam dalam jiwa orang Cina bahawa jika melihat sesuatu, mereka sudah tahu sama ada ia boleh mendatangkan wang atau tidak. Kita tidak mempunyai laluan masa yang sebegitu panjang untuknya menyerap dalam jiwa," katanya.

Tetapi pada masa yang sama, beliau mengkritik pencapaian DEB dari segi meningkatkan tahap pemikiran rakyat.

Dari segi pemilikan material, benar orang Melayu sudah membangun dan wujud beberapa kelompok usahawan yang boleh dibanggakan.

Malangnya, Megat Najmuddin percaya tidak ada pembangunan dari segi moral, kemuliaan jiwa dan ketulusan tingkah laku orang Melayu, sebaliknya apa yang berlaku ialah mereka melupakan leluhur bangsa ketika mengorak langkah mengejar nikmat yang ditawarkan oleh DEB.

"Ini adalah suatu kritikan yang harus diterima oleh kerajaan supaya kita boleh meningkat. Benar DEB berjaya mencapai sasarannya dari segi kebendaan, mengkritiknya bukan bermakna kita tidak berterima kasih.

"Rakyat tidak harus menjadi takut untuk mengkritik jika ia kritikan membina," katanya.

(END)